

Pemulihan sekitar lokasi tanah jerlus dijangka sehingga 6 bulan

Kajian terperinci akan dijalankan berhubung sistem utiliti bawah tanah

Kuala Lumpur: Proses pemulihan dan pembinaan semula lokasi sekitar insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India di sini, dijangka memerlukan tempoh tiga hingga enam bulan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, berkata kerja pemulihan dan pembinaan semula akan membabitkan laluan sepanjang kira-kira 200 meter dari Wisma Yakin sehingga Pondok Polis di Jalan Masjid India.

Kawasan itu, katanya, ketika ini ditutup dengan penghadang bagi membolehkan kerja pembalikan dan kajian terperinci dijalankan berhubung sistem utiliti bawah tanah, selain beberapa perkara berkaitan oleh agensi dan pihak berkenaan.

“Untuk melihat sistem utiliti bawah tanah itu memerlukan



Anggota penguat kuasa DBKL meninjau lokasi sekitar insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

masa dan ia akan membabitkan agensi seperti Indah Water Konsortium serta Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) untuk membuat pemeriksaan sekiranya ada kebocoran pada paip.

“Selain itu, kita juga akan bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk meme-

riksa kabel, kerana di kawasan dinding (yang berada di bawah tanah) juga terdapat kabel syarikat itu, manakala Jabatan Mineral dan Geosains pula akan memberikan butiran terperinci mengenai laporan teknikal dan kestabilan tanah (sekitar lokasi kejadian),” katanya ketika dihubungi.

Bentuk jawatankuasa khas

Maimunah berkata, satu jawatankuasa khas dibentuk pada 25 Ogos lalu juga dijadual membuat perbincangan esok berhubung tindakan selanjutnya yang perlu diambil.

Beliau berkata, peniaga sekitar lokasi kejadian boleh menjalankan perniagaan seperti

“Untuk melihat sistem utiliti bawah tanah itu memerlukan masa dan ia akan membabitkan agensi seperti Indah Water Konsortium serta Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) untuk membuat pemeriksaan sekiranya ada kebocoran pada paip”

Maimunah Mohd Sharif,
Datuk Bandar
Kuala Lumpur



biasa, namun orang ramai dinasihatkan tidak melepasi pita kuning dipasang pasukan polis dan hanya menggunakan laluan pejalan kaki sepanjang proses pemulihan dijalankan.

BERNAMA